

Ruj. Fail : MPSJ/KHP/100 – 6/1/1Jld 4()

**MINIT MESYUARAT PENUH
MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA
BIL. 7 TAHUN 2019**

Tarikh : 24 Julai 2019 (Rabu)

Masa : 10.00 pagi hingga 12.30 tengahari

Tempat : Bilik Mesyuarat Kenanga,
Aras 2, Ibu Pejabat,
Majlis Perbandaran Subang Jaya

Kehadiran : Seperti di Lampiran A

1.0 BACAAN DOA

Mesyuarat dimulakan dengan bacaan doa oleh YM Raja Mohd Ashraf bin Raja Chik, Penolong Pengarah Khidmat Pengurusan, Majlis Perbandaran Subang Jaya.

2.0 PERUTUSAN Pengerusi

Puan Yang Dipertua memulakan mesyuarat dengan mengucapkan salam kepada semua yang hadir dan memaklumkan bahawa mesyuarat kali ini merupakan Mesyuarat Penuh MPSJ Bil. 7/2019.

Seterusnya beliau menyampaikan beberapa perkara seperti yang berikut :

- i) Pelaksanaan program-program yang telah berlangsung sepanjang bulan Julai 2019. Gambar-gambar semasa program dilaksanakan juga ditayangkan.
- ii) Pemakluman Pengisytiharan Kepentingan Peribadi Bagi Mesyuarat Penuh. Semua ahli mesyuarat diwajibkan mengisytiharkan kepentingan peribadi ke atas sebarang keputusan yang dibincangkan dan hendaklah berkecuali dengan (menyatakan kepentingan dan berundur diri seketika) semasa perbincangan. Selaras dengan keputusan Mesyuarat MMKN bil 21/2018, Ahli Majlis diminta mengisi borang Pengisytiharan Kepentingan Ahli Mesyuarat setiap kali mesyuarat diadakan.
- iii) Pemakluman larangan menggunakan peralatan komunikasi semasa mesyuarat berlangsung.
- iv) Perkongsian pengalaman menyertai lawatan rasmi Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan ke Surabaya Indonesia pada 21 hingga 23 Julai 2019. Beliau bersama-sama 4 orang Ahli Majlis telah mewakili MPSJ menyertai lawatan yang diketuai oleh YB Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Lawatan ini juga turut disertai oleh pegawai-pegawai daripada KPKT, Urbanice Malaysia, Majlis Perbandaran

Ampang Jaya, Majlis Bandaraya Seberang Perai dan wakil NGO yang melaksanakan dasar di peringkat Negeri.

Lawatan ini bertujuan untuk :

- i) Melihat dan mempelajari sistem serta struktur pentadbiran Rumah Susun Awam (Rusunawa) dan nilai-nilai komuniti yang tinggi di Surabaya;
- ii) Mengkaji kesesuaian tadbir urus terbaik komuniti di Surabaya untuk dipraktikkan dalam komuniti di kawasan MPSJ.

Lawatan pertama, rombongan dibawa ke Kampung Genting yang terletak di tengah bandar dan didiami hampir 70 buah rumah. Perkongsian yang menarik adalah penduduk menaik taraf kampung mereka sehingga ke peringkat pengurusan air kumbuhan diuruskan sendiri secara organik menggunakan teknologi tempatan. Mereka menggunakan ikan keli sebagai indikator terhadap tahap kualiti air kumbuhan yang dihasilkan. Anak-anak muda yang melaksanakan inovasi dan memberikan taklimat merupakan penduduk asal kampung tersebut. Mereka turut mewajibkan setiap rumah untuk menanam 7 jenis tanaman, mengecat laluan pejalan kaki serta melaksanakan pengasingan sampah. Suri rumah mendapat pendapatan sampingan dengan menjalankan perusahaan berasaskan hasil tanaman seperti belimbing buluh, bunga roselle yang dijadikan jeruk atau jus. Model ini boleh dilaksanakan di pangsapuri angkat dalam kawasan pentadbiran MPSJ.

Lawatan kedua merupakan bangunan kerajaan yang dijadikan sebagai Pusat Transformasi Bandar (UTC). Semua urusan berkaitan kerajaan boleh dilakukan di satu lokasi secara serentak.

Lawatan ketiga merupakan kawasan yang diuruskan oleh usahawan muda yang menggelarkan diri mereka sebagai *Young Warrior*. Usahawan-usahawan muda ini berdaftar dengan kerajaan tempatan dan akan diberi ruang untuk memulakan perniagaan mereka. Kerajaan memberikan bantuan dari segi rekabentuk produk, pemasaran dan lain-lain. Kebanyakan mereka melaksanakan perniagaan secara *online* dan mereka diberi tempoh masa 3+3 bulan untuk menjalankan perniagaan dan setelah itu mereka perlu berpindah keluar daripada kawasan tersebut bagi memberi peluang kepada usahawan baharu dan mereka sudah bersedia untuk memulakan perniagaan diluar. Perkara-perkara ini boleh dilaksanakan di MPSJ bagi membantu usahawan-usahawan muda di kawasan pentadbiran MPSJ.

- v) Program Karnival Usahawan Pemangkin Ekonomi MPSJ 2019 akan diadakan seperti berikut :

Tarikh : 27 Julai 2019 (Sabtu)
Masa : 8.00 Pagi – 5.00 Petang
Lokasi : Stadium MPSJ, Serdang Jaya

Pelbagai program / aktiviti yang menarik akan dilaksanakan seperti :

- Seminar Usahawan meliputi modul Tatacara Menabung dan Keupayaan, Keupayaan Menjana Modal, Tatacara Pemasaran dan Perkongsian “*online*”
- Bengkel Masakan
- Bengkel Gubahan
- Pertandingan *Karaoke* dan Sukaneka
- Pertandingan mewarna
- Pembukaan kaunter/*booth* agensi luar (HIJRAH / TEKUN / Pusat Zakat / e-Kasih / Bank Rakyat dan lain-lain)
- *Eco Free Market*
- Penglibatan booth Pameran Jabatan Dalaman MPSJ melibatkan Jualan Baja Kompos, Tatacara Permohonan Lesen, Kaunter Bayaran Pelbagai dan *Wish List*.
- Tapak pameran dan jualan produk (IKS) tempatan (kraftangan / makanan dan lain)

Sasaran peserta yang akan terlibat dalam program ini adalah Jawatankuasa Penduduk MPSJ (JKP), Para Usahawan Wanita Kawasan Pentadbiran MPSJ, Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta, Pelajar Lulusan Sekolah, Komuniti setempat, NGO, Persatuan dan Kelab, Orang Kelainan Upaya, Penggerak Belia Tempatan MPSJ (PeBT), Peserta dari Dewan Perniagaan. Sebarang pertanyaan lanjut boleh hubungi Puan Norsafinas binti Ab Hamid di talian 013-3838344.

- vi) Majlis Pelancaran Projek Merdeka Mural dan SJ *Riverfront* USJ 1, Subang Jaya akan diadakan pada 9 Ogos 2019 (Jumaat) jam 10.00 pagi, bertempat di Blok D dan F, Pangsapuri Angsana, USJ 1, 47610 Subang Jaya, Selangor. Majlis ini akan dilancarkan oleh YB Dato' Sri Haji Mohammad Bin Mentek, Ketua Setiuasaha, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Projek ini merupakan usahasama kolaboratif di antara MPSJ, Ahli Majlis dan Jawatankuasa Penduduk Zon 4 MPSJ serta *The Art Market* bagi projek membaik pulih serta pengindahan melalui program mengecat dan melukis mural di Pangsapuri Angsana, USJ 1, Subang Jaya.

MPSJ juga telah mengambil inisiatif untuk membangunkan projek SJ *riverfront* di mana rizab sungai akan dibersihkan dan dilandskapkan dengan kemudahan asas seterusnya diselenggara dengan minima, cukup untuk keselesaan dan keselamatan pengguna di sekitarnya. Projek ini merupakan satu rejuvenasi sungai yang menjadikan Subang Jaya sebagai perbandaran yang seimbang secara fizikal dan sosial. MPSJ juga akan melancarkan tabung amal untuk penderma-penderma yang ingin turut serta dalam program pengindahan SJ *Riverfront* ini.

- vii) Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) akan menganjurkan Program Jom Sihat & Lestari Bersama Komuniti Sempena Bulan

Kemerdekaan Ke 62 pada 17 Ogos 2019 (Sabtu) bermula jam 7.30 pagi sehingga 11.00 pagi bertempat di Padang Kawad Universiti Putra Malaysia, Seri Kembangan Selangor.

Antara aktiviti menarik yang telah dirancang adalah seperti berikut:

- Kayuhan Hidup Sihat (20KM)
- Gotong Royong Komuniti Perdana

3.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT PENUH MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA BIL. 06/2019

Minit Mesyuarat Penuh Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil. 06/2019 yang telah diadakan pada 27 Jun 2019 (Rabu) disahkan tanpa pindaan.

4.0 PEMBENTANGAN LAPORAN MESYUARAT DARIPADA JAWATANKUASA

4.1 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kemasyarakatan Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil.07/2019 Bertarikh 9 Julai 2019

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 7.1 & m/s 10	Encik Yap Kok Weng	Kertas cadangan liga bola keranjang Komuniti <i>Hoop hood</i> MPSJ 2019 dengan kerjasama Orpheus <i>Events</i> Sdn. Bhd.	<p>Beliau inginkan memohon agar kawasan Batu 15 Puchong, Taman Awam di Bandar Puchong Jaya dan di Taman Puncak Jalil juga turut tersenarai dalam pemilihan lokasi bagi program tersebut.</p> <p>Maklum balas :</p> <p>Puan Yang Dipertua memaklumkan bahawa pemilihan lokasi adalah tertakluk kepada kemudahan awam yang sedia ada.</p> <p>Tindakan : Jabatan Pembangunan Masyarakat</p>
2.	Para 7.4 & m/s 12	Encik Abbas Salimmi	Tasik Kampung Seri Aman	Beliau memaklumkan bahawa keadaan tasik Kampung Seri Aman

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
		bin Che Adzmi @ Azmi		<p>tidak terurus. Beliau memohon agar dilaksanakan tindakan penambahbaikan agar tasik tersebut boleh dijadikan sebagai salah satu lokasi rekreasi di kawasan MPSJ.</p> <p>Maklum balas : Puan Yang Dipertua meminta agar permohonan penambahbaikan tasik Kampung Seri Aman diambil perhatian dan pelaksanaan sewajarnya.</p> <p>Tindakan : Jabatan Landskap</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
3.	Para 7.6 & m/s 14	Encik Keshmin der Singh a/l K.Karam Singh	Peniaga tanpa lesen di pasar malam Subang Mas dan kereta usang terbiar di sekitar Jalan TP 7.	<p>i) Beliau memaklumkan bahawa terdapat isu peniaga tanpa lesen di pasar Malam Subang Mas yang beroperasi setiap hari Ahad.</p> <p>ii) Beliau memaklumkan bahawa terdapat masalah kereta usang terbiar di sekitar Jalan TP 7 (berhampiran balai polis).</p> <p>iii) Kedua-dua isu tersebut masih belum diambil tindakan.</p> <p>Maklum balas : Puan Yang Dipertua meminta agar diambil tindakan terhadap kedua-dua isu tersebut dan membuat pelaporan terus kepada Yang</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				Dipertua berkaitan perkara ini. Tindakan : Jabatan Penguatkuasaan

4.2 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Perancangan dan Pembangunan Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil.11/2019 Bertarikh 10 Julai 2019

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 2.2 & m/s 4	Encik Mohan Singh a/l Surtar Singh	Pemaju OWL <i>Development</i> Sdn. Bhd	Beliau memohon agar Ahli Majlis kawasan dijemput ke pembentangan yang dilaksanakan oleh pemaju dan dicadangkan diadakan satu <i>town hall</i> bersama penduduk setempat.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				Maklum balas : Puan Yang Dipertua memaklumkan bahawa cadangan tersebut diterima. Tindakan : Jabatan OSC

4.3 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil.07/2019 Bertarikh 11 Julai 2019

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

4.4 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Perkhidmatan dan Teknologi Maklumat Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil. 5/2019 Bertarikh 11 Julai 2019

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

4.5 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil. 7/2019 Bertarikh 17 Julai 2019

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 3.1 & m/s 2	Encik Yap Kok Weng	Garis panduan pemasangan <i>Exhaust Fan</i>	Beliau ingin tahu berkaitan status terkini berkaitan garis panduan <i>exhaust fan</i> . Maklum balas : Puan Yang Dipertua meminta Jabatan berkaitan melaksanakan draf garis panduan <i>exhaust fan</i> dan membuat mesyuarat khas bagi perbincangan awal dengan kadar segera. Tindakan : Jabatan Bangunan

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
2.	Para 3.9 & m/s 5	Encik Keshmin der Singh a/l K.Karam Singh	Cadangan menaikkan kadar sewa di Medan Selera Milik Majlis Perbandaran Subang Jaya (Kertas Mesyuarat Bil.73/07/2019)	<p>Beliau memohon agar bagi Medan Selera Batu 3 (Tropicana) hanya dinaikkan dengan kadar RM 50.00 sahaja kerana terdapat keluhan daripada peniaga berkenaan kenaikan harga ini.</p> <p>Maklum balas :</p> <p>Puan Yang Dipertua memaklumkan bahawa terdapat gerai Majlis yang disewakan kepada pihak ketiga dengan kadar sewa yang tinggi. Beliau meminta agar dilaksanakan kajian pendapatan terhadap penyewa gerai majlis dalam tempoh masa tertentu sebelum cadangan kenaikan atau</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>pengurangan kadar sewa dilaksanakan. Beliau turut mencadangkan penawaran gerai atau medan selera Majlis dilaksanakan secara tender bagi melihat kadar penawaran sewa yang paling tinggi.</p> <p>Mesyuarat memutuskan kadar sewa ditetapkan sebanyak RM 350.00 dan dilaksanakan temuduga semula kepada penyewa-penyewa tersebut.</p> <p style="text-align: right;">Tindakan : Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta</p>

4.6 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur, Pengangkutan dan Kemudahan Awam Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil. 7/2019 bertarikh 17 Julai 2019

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

4.7 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kesihatan dan Kesejahteraan Bandar Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil. 6/2019 bertarikh 18 Julai 2019

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 2.1 & m/s 5	Encik Tai Cheng Heng	Taklimat Laporan Prestasi KDEB Waste Managemenr Sdn. Bhd	Beliau ingin tahu tentang status terkini berkaitan perjanjian kontrak kerana mendapat laporan kontraktor gagal membayar gaji pekerja dengan alasan MPSJ tidak membuat pembayaran terhadap

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>kerja-kerja yang telah dijalankan.</p> <p>Maklum balas :</p> <p>Puan Yang Dipertua memaklumkan bahawa perkara yang masih dibahaskan antara MPSJ dan KDEB adalah berkaitan tanggungan oleh Kerajaan Negeri dimana sebelum penamatan kontrak dilaksanakan ianya perlu mendapat kelulusan daripada Kerajaan Negeri terlebih dahulu. Perkara tersebut tidak dipersetujui oleh MPSJ kerana Kerajaan Negeri tidak terlibat secara terus di dalam kontrak tersebut. Perkara ini telah dibincangkan dengan</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>Penasihat Undang-undang Negeri dan mereka bersetuju dengan pihak Majlis supaya Kerajaan Negeri tidak dilibatkan dalam penamatan kontrak dan sebagainya. Perkara ini telah dimaklumkan kepada pihak KDEB namun masih belum dibalas oleh mereka. Oleh itu, status perjanjian kontak masih belum ditandatangani secara rasmi. Walau bagaimanapun, MPSJ telah mengemukakan kepada Pegawai Kewangan Negeri dan pembayaran kepada KDEB telah diproses.</p> <p style="text-align: right;">Makluman</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
2.	Para 4.4 & m/s 8	Encik Yap Kok Weng	Taman Hutan Bandar di USJ 3	<p>Beliau meminta agar pemantauan dan perbincangan turut dilaksanakan terhadap taman-taman lain yang sama taraf dengan taman hutan bandar seperti Taman Puncak Jalil dan Taman Wawasan.</p> <p>Maklum balas :</p> <p>Puan Yang Dipertua memaklumkan bahawa beliau bersetuju dengan cadangan tersebut dan taman-taman lain akan turut dibincangkan dalam mesyuarat tersebut.</p> <p>Tindakan : Jabatan Jabatan Landskap</p>
3.				Beliau meminta MPSJ menyediakan satu dasar

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>tentang kebenaran membawa haiwan peliharaan ke taman-taman awam milik Majlis.</p> <p>Maklum balas : Puan Yang Dipertua memaklumkan bahawa perkara ini akan turut dibincangkan dalam mesyuarat tersebut.</p> <p>Tindakan : Jabatan Landskap</p>
4.	Para 5.1(ii) & m/s 10	Encik Yap Kok Weng	Laporan Pejabat Kesihatan Daerah Petaling bagi bulan Jun 2019	<p>Beliau memaklumkan Vista <i>Lavender</i> adalah di Taman Kinrara 3. Beliau memohon dibuat pembetulan lokasi tersebut.</p> <p>Maklum balas : Puan Yang Dipertua meminta urus setia</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				Jawatankuasa Kesihatan dan Kesejahteraan Bandar melaksanakan pembetulan tersebut. Tindakan : Jabatan Kesihatan

6.0 PEMBENTANGAN KERTAS KERJA

6.1 CADANGAN KEANGGOTAAN JAWATANKUASA, PENENTUAN BIDANG TUGAS AHLI MAJLIS (ENCIK THONG KIM FATT) DALAM MESYUARAT JAWATANKUASA DAN JAWATANKUASA PENDUDUK BAGI PENGGAL 2018 – 2020 SERTA CADANGAN PEMBAYARAN ELAUN BAGI BULAN JULAI 2019

Kertas kerja ini disediakan oleh Jabatan Khidmat Pengurusan dan dibentangkan oleh Tuan Setiausaha MPSJ.

Keputusan Mesyuarat :

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat bersetuju terhadap perkara berikut :

PERKARA	KEPUTUSAN
Keanggotaan Jawatankuasa	i) Jawatankuasa Kewangan ii) Jawatankuasa Kesihatan dan Kesejahteraan Bandar iii) Jawatankuasa Kemasyarakatan
Pengerusi Jawatankuasa Penduduk	Jawatankuasa Penduduk Zon 21 i) Taman Bukit Serdang 1-3 ii) Taman Serdang Heights (Sungai Kuyoh) Seksyen 1-7 iii) Taman Universiti Indah iv) Pusat Perdagangan Seri Kembangan

Makluman

6.2 CADANGAN PELAKSANAAN SURAT PEKELILING AM BILANGAN 2 TAHUN 2019 OLEH KERAJAAN MALAYSIA BAGI PELAKSANAAN KEMPEN HINDARI PENGGUNAAN PLASTIK SEKALI GUNA DI KEMENTERIAN, AGENSI KERAJAAN PERSEKUTUAN DAN NEGERI UNTUK DIGUNA PAKAI DI NEGERI SELANGOR

Kertas kerja ini disediakan oleh Jabatan Pengurusan Alam Sekitar dan dibentangkan oleh Pengarah Pengurusan Alam Sekitar.

Keputusan Mesyuarat :

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat bersetuju menerima pakai pekeliling tersebut dan memutuskan perkara-perkara berikut :

BIL	PERKARA	TINDAKAN
1.	Semua program Majlis dan Program Jawatankuasa Penduduk TIDAK DIBENARKAN menggunakan plastik sekali guna dalam penyediaan makanan.	Semua Jabatan / Jabatan Pembangunan Masyarakat
2.	Kafetaria MPSJ tidak boleh menggunakan plastik sekali guna dalam pengurusan makanan. Kakitangan MPSJ digalakkan membawa bekas makanan dan minuman apabila berurusan di kafetaria MPSJ.	Jabatan Khidmat Pengurusan

7.0 PENUTUP

Puan Pengerusi mengucapkan terima kasih dan mesyuarat ditangguhkan pada jam 12.00 tengahari.

Tarikh Disediakan : 25 Julai 2019

" SELANGOR MAJU BERSAMA "

" MESRA, CEKAP DAN BERINTEGRITI "

Disediakan oleh;

.....
(HJ. MOHD ZULKURNAIN BIN CHE ALI), A.M.N., A.M.S.

Setiausaha Perbandaran

MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA

Disahkan oleh;

.....
(TPr. NORAINI BINTI ROSLAN), S.I.S., P.P.T

Yang Dipertua

MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA

LAMPIRAN A

HADIR

- | | | | |
|-----|---|---|-------------------------|
| 1. | TPr. Noraini binti Roslan, S.I.S., P.P.T
Yang Dipertua | | Pengerusi
Mesyuarat |
| 2. | Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, A.M.N., A.M.S.
Timbalan Yang Dipertua | - | Setiausaha
Mesyuarat |
| 3. | Encik Yap Kok Weng | - | Ahli Majlis |
| 4. | Encik Mohd Saifullah bin Mohd Zulkifli | - | " |
| 5. | Ar. Kamarul Hisham bin Hj. Yeop Hashim | - | " |
| 6. | Encik Mohd Tarmizi bin Lazim | - | " |
| 7. | Encik M Anbarasan a/l Murugesu | - | " |
| 8. | Puan Sharmazira binti Md Sharif | - | " |
| 9. | Puan Kavitha a/p Chandragesan | - | " |
| 10. | Encik Ismail Kamal bin Abdul Rahman | - | " |
| 11. | Encik Keshminder Singh a/l K.Karam Singh | - | " |

12.	Encik Thomas Low Yew Sin	-	"
13.	Encik Mohan Singh a/l Surtar Singh	-	"
14.	Encik Mehanatan a/l Embamurthi	-	"
15.	Encik Chia Yew Ken	-	"
16.	Encik Tai Cheng Heng	-	"
17.	Encik Thamilarasu Sandayan	-	"
18.	Encik Wong Yii Seang	-	"
19.	Puan Lee Jen Uyin	-	"
20.	Puan Ng Seow Chen	-	"
21.	Encik Abbas Salimmi bin Che Adzmi @ Azmi	-	"
22.	Encik Koh Eng Kee	-	"
23.	Encik Ahmad Faidzal bin Mohamed	-	"
24.	Encik Thong Kim Fatt	-	"

TURUT HADIR (PEGAWAI MPSJ)

1. TPr. Ismail bin Muhamad, A.I.S
Pengarah, Jabatan Perancang Bandar

2. Encik Ismail bin Salim, P.J.K.
Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan

3. Dr. Roslan bin Mohamed Hussin, A.M.S.
Pengarah, Jabatan Kesihatan

4. Puan Hjh Anita binti Abd Jalil, P.P.T.
Pengarah, Jabatan Undang-Undang

5. Sr. Aida binti Omar, MRISM
Pengarah, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta

6. Puan Hjh Azura binti Mohd Don
Pengarah, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar

7. Encik Muhammad Azli bin Miswan
Pengarah, Jabatan Pelesenan

8. Encik Azfarizal bin Abdul Rashid
Timbalan Pengarah, Jabatan Korporat Dan Pengurusan Strategik

9. Puan Rosmawati binti Zainuddin, A.I.S
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Landskap

10. Encik Azfarizal bin Abdul Rashid
Timbalan Pengarah, Jabatan Korporat & Pengurusan Strategik

11. Puan Hjh. Noraziah binti Ali, P.J.K.
Pengarah, Unit Audit Dalam

12. Puan Emilia binti Nasir
Penolong Pengarah, Unit Integriti

13. Puan Rubaizah binti Mohamed Noh
Timbalan Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat

14. Encik Mohd Haizi bin Harun
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Kejuruteraan

15. Norsilawati binti Mohd Yatim
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Hasil

16. Puan Nur Maini binti Ariffin
Penolong Pengarah, Jabatan Kewangan

17. Puan Zamzamah binti Zainuddin
Penolong Pengarah, Jabatan OSC

18. Encik Mohd Farkhi bin Mohd Noor
Arkitek, Jabatan Bangunan
19. Puan Noraini binti Nazaruddin
Penolong Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
20. Encik Mohd Nor Affandi bin Isa
Juru Ukur Bahan, Jabatan Kontrak dan Ukur Bahan

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

1. Encik Mohd Fitri bin Jamaludin - Ahli Majlis
2. Dato' Kamaruzaman bin Ibrahim - ”
3. Ir. Rosli bin Mohammad Yunus, P.J.K.
Pengarah, Jabatan Kejuruteraan
4. Tuan Hj. Mohd Fadzil bin Mahat, A.M.N, A.M.S -
Pengarah, Jabatan Perbendaharaan
5. Encik Muhammad Zaki bin Yusof
Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
6. Puan Hjh. Sharifah Rohaida binti Abd. Rahman, P.J.K.
Pengarah, Jabatan Hasil

7. Encik Nazarudin bin Mashtuki
Pengarah, Jabatan Kontrak & Ukur Bahan
8. Encik Samzol bin Saat
Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
9. Cik Rozdiana binti Mohd Rosmi
Pengarah, Jabatan OSC
10. Encik Nor Azmi bin Hj. Mohd Rosli, P.P.T.
Pengarah, Jabatan Bangunan
11. Sr. Mohd Marwan bin khalilludin
Pengarah, Jabatan COB

URUS SETIA

1. Puan Nik Zalina binti Megat Muda
Timbalan Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
2. Puan Mazura binti Mohamad
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
3. Puan Juliana binti Jaafar
Penolong Pegawai Tadbir Kanan, Jabatan Khidmat Pengurusan